


Bekalan Air Anda




SELANGOR

KEPERLUAN AIR ANDA • KEUTAMAAN KAMI


SUMBER AIR



RAWATAN



PENGAGIHAN



Loji rawatan air ditutup kerana:

- Pencemaran di sungai
- Tiada bekalan elektrik
- Kerja Penyelenggaraan

Tempoh loji beroperasi semula bergantung kepada tahap pencemaran & penyambungan semula bekalan elektrik.

Penyenggaraan loji pada lazimnya adalah terancang bagi tempoh **2 hari sehingga 5 hari** dan makluman awal kepada pengguna.

Kolam takungan perkhidmatan

menyimpan bekalan air. Apabila tiada bekalan air daripada loji rawatan air, paras air dalam kolam perlu mencapai paras optimum sebelum air diagihkan ke premis.

Ia memerlukan tempoh **12 jam sehingga 48 jam** bergantung kepada saiz dan kapasiti kolam.

Semasa cuaca panas & kering, paras air dalam kolam takungan / perkhidmatan akan menyusut ke bawah paras optimum & mengakibatkan gangguan bekalan air. Pengguna dinasihati untuk menggunakan air secara berhemat semasa cuaca panas & kering.

Kerja pembaikan paip pecah

mengambil masa **12 jam sehingga 36 jam** bergantung pada keadaan tapak/tanah dan lokasi/kedalaman paip. Bekalan air akan pulih secara berperingkat selepas kerja pembaikan selesai.